

## **TINJAUAN KE ATAS KEMAHIRAN INTRAPERSONAL DALAM KALANGAN PENSYARAH CEMERLANG PENDIDIKAN ISLAM DI POLITEKNIK**

**Ahmad Firdaus Mohd Noor (PhD)**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar

**Kamarul Azmi Jasmi (PhD)**

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti  
Teknologi Malaysia, Skudai

**Khairunnisa A Shukor (PhD)**

Jabatan Pengajian Moral, Sivik dan Pembangunan Karektor, Universiti  
Pendidikan Sultan Idris

**Muhd Imran Abd Razak (PhD)**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar

**Mohd Farhan Abd Rahman**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar

**Nor Adina Abdul Kadir**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah

**Nurul Kamalia Yusuf (PhD)**

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
Kampus Seri Iskandar

*Corresponding Author's Email: firdausnoor@uitm.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 24 May 2021*

*Accepted : 03 June 2021*

*Published : 31 October 2021*

### **ABSTRAK**

Penulisan ini bertujuan untuk membincangkan jenis kemahiran Intrapersonal yang dimiliki oleh Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) di politeknik. Kajian ini melibatkan temu bual bersama enam orang PCPI di tiga buah politeknik. Temu bual ini dijalankan melalui perisian N'Vivo versi 7.0 untuk menghasilkan tema dan jadual matriks yang berkaitan dengan jenis kemahiran

yang dipraktikkan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam dan di luar bilik darjah. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa jenis kemahiran yang dapat dipraktikkan semasa PdP di politeknik, seperti mengetahui kemampuan diri, berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah, mengembangkan motivasi diri dan mencapai kepuasan diri.

**Kata Kunci:** Kemahiran Intrapersonal, Politeknik, Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam

## ***AN INTRAPERSONAL SKILLS OVERVIEW AMONG EXCELLENT LECTURERS OF ISLAMIC EDUCATION IN POLYTECHNICS***

### ***ABSTRACT***

*This paper aims at discussing the type of Intrapersonal skills possessed by Outstanding Lecturer of Islamic Education (PCPI) in polytechnics. This study involved interviews with six of PCPI at three of polytechnics. Interviews were then managed through N'Vivo version 7.0 to produce themes and matrix tables related to the types of skills that were practiced both during teaching and learning (T&L) inside and outside classroom. The findings show that there are several types of skills that can be practiced during the T&L in polytechnics, such as of knowing self-ability, thinking and problem solving skills, developing self-motivation and achieving self-satisfaction.*

**Keywords:** *Intrapersonal skills, Outstanding Lecturer of Islamic Education, Polytechnics*

### **PENDAHULUAN**

Transformasi pendidikan negara sentiasa ke arah kemajuan dan penambahbaikan ke arah meningkatkan taraf pendidikan rakyat. Transformasi pendidikan ini membawa revolusi dan perubahan supaya hasrat menghasilkan modal insan cemerlang terlaksana bagi memacu ekonomi negara. Hal ini selaras dengan pelan transformasi politeknik. Justeru proses mendidik ini memerlukan komitmen yang tinggi (Syed Najmuddin *et al.*, 2009) serta menuntut ciri kecemerlangan pendidik. Garapan minda dan usaha harus dicurahkan oleh pendidik dalam bidang Pendidikan Islam bagi melahirkan kecemerlangan. Maka kemahiran-kemahiran baru diperlukan bagi menyuntik semangat dan idea baru yang lebih segar supaya kecemerlangan yang ada pada pensyarah berjaya ditonikkan dalam membugar kecemerlangan pelajar. Hal ini termasuklah elemen kemahiran intrapersonal diperlukan dalam aspek kemahiran penting bagi Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam di politeknik.

## **AJARAN ISLAM DALAM KECEMERLANGAN PROFESIONALISME PENDIDIKAN**

Ajaran Islam amat menggalakkan umatnya berlumba-lumba ke arah kejayaan dan kecemerlangan. Jelaslah di sini, amanah dan tanggungjawab pendidik Muslim dituntut dalam mendidik para pelajar Islam dengan nilai keislaman, daya kepimpinan, selain menghabiskan sukatan pelajaran sendiri. Terdapat banyak ayat al-Quran yang menjelaskan nilai kecemerlangan yang perlu dilaksanakan oleh pendidik Muslim, antaranya ialah firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

*“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. Tetapi antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasiq.”*

(Surah Ali 'Imran, 3:110)

Berdasarkan ayat ini, umat Muhammad s.a.w. digambarkan sebagai sebaik-baik umat yang diciptakan. Perkataan *kuntum khaira ummah* menjelaskan maksud umat terbaik, iaitu yang paling banyak berkatnya di bumi (al-Qurthubi, 2007; al-Qurthubi, 2008; M. Quraish Shihab, 2009). Hal ini berdasarkan amalan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada keburukan itu adalah sebaik-baik amalan dalam Islam (al-Qurthubi, 2007). Al-Qurthubi menambah bahawa lafaz *ukhrijat lin naas* menerangkan fungsi manusia dalam memberi petunjuk dan manfaat bagi semua umat manusia. Pandangan al-Jazairi ini disokong oleh M. Quraish Shihab (2009) yang menjelaskan bahawa amalan yang menyeru kepada kebaikan dan mencegah keburukan amat signifikan dengan amanah serta tanggungjawab pendidik Muslim. Maka, pujian umat yang terbaik adalah layak diberikan selagi melaksanakan dan memiliki sifat tersebut (al-Qurthubi, 2008). Maka, kelebihan dan kecemerlangan yang ada perlu digunakan sebagai satu kemahiran yang dapat memberi manfaat kepada manusia lain. Khususnya dalam konteks ini, Pensyarah Pendidikan Islam di politeknik haruslah menggunakan saranan dan intipati daripada galakan daripada al-Quran untuk memajukan diri dengan menguasai kemahiran yang ada untuk dikembangkan dan dimanfaatkan kepada pelajar di politeknik.

## **KEMAHIRAN INTRAPERSONAL DALAM KEMERLANGAN PENSYARAH POLITEKNIK**

Kemahiran intrapersonal dibincangkan oleh Nur Hafizoh Idris dan Rohana Hamzah (2013) bagi menjadi guru yang profesional. Hal ini amat berkait

dengan peranan para pensyarah di politeknik yang merupakan guru di politeknik. Menurut Salhah Abdullah (2009), kemahiran intrapersonal adalah kebolehan memahami diri sendiri dengan melihat kekuatan dan kelemahan, hasrat dan kehendak, serta keupayaan diri yang mempunyai kemahiran yang sama atau berbeza dengan orang lain. Pernyataan ini dipersetujui oleh Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2009) dengan menjelaskan, selain membolehkan memahami dirinya sendiri dengan mengetahui keistimewaan dan kelemahan diri. Seseorang yang mempunyai kemahiran ini akan berkemampuan mengetahui apa yang diminati dan apa yang ditakuti. Ia juga mengetahui apa yang mendorong perilaku serta tindak tanduknya sendiri tanpa diberitahu oleh orang lain. Oleh itu, kemahiran intrapersonal mampu membantu individu menyelesaikan masalah yang melibatkan perasaan, mengawal marah atau kesedihan diri serta bagaimana menguruskannya dengan beradab sopan. Kemahiran intrapersonal juga membolehkan seseorang individu mampu membuat refleksi sendiri yang tinggi (Salhah Abdullah, 2009) bahkan melatih kepimpinan, komunikasi, dan mampu memotivasikan orang lain (Aristigueta dan Denhardt, 2015).

Allen (2017) melihat komunikasi intrapersonal sebagai komunikasi dengan diri sendiri sebagai satu tingkah laku kognitif yang melibatkan proses komunikasi dalaman seperti membuat tafsiran mesej daripada orang lain, menentukan matlamat, keyakinan diri, penemuan diri dan sebagainya. Maizan Alias dan Nor Lisa Sulaiman (2017) melihatnya sebagai satu monolog yang mengarahkan pemikiran seseorang kepada kepuasan diri melalui kawalan emosi, kemahuan dan pemikiran dengan lebih berkesan sebelum berkongsi pemikiran dan pandangan tersebut dengan orang lain. Malah, kunci kepada kejayaan kemahiran intrapersonal adalah kecerdasan emosi. Melalui kemahiran interpersonal, seseorang itu dapat memahami sesuatu nilai dan kepercayaan dengan lebih baik (Hadley, 2019). Aktiviti bermonolog dengan diri membantu pensyarah mengenali kelebihan dan kekurangan diri, serta berusaha untuk menangani kekurangan diri. Oleh itu, kemahiran interpersonal membantu pensyarah menambahbaik diri sendiri sebelum menjadikannya sebagai satu faktor kepada kemahiran interpersonal yang lebih berkesan bersama pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Jovanovic dan Minic (2014) mendapati bahawa kemahiran interpersonal merupakan satu saat prolifik bagi guru di mana pada ketika guru mengamati diri dan menjadi produktif melalui kesunyian (introspeksi terhadap sikap dan kemahiran), ianya menyumbang ke arah perkembangan diri dan mencapai objektif pembelajaran melalui pengajaran. Walau bagaimana pun, kajian ini mendapati bahawa guru-guru kurang mengamalkannya, berbanding komunikasi interpersonal dan komunikasi massa. Jovanovic dan Minic berpendapat bahawa terdapat kepentingan untuk meningkatkan kemahiran ini berdasarkan peribahasa *fikir dahulu, kemudian sampaikan (think first, and then tell me)*, di mana komunikasi intrapersonal seharusnya dijalankan terlebih dahulu sebelum komunikasi interpersonal.

## **OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan untuk meninjau elemen kemahiran intrapersonal yang boleh diamalkan dalam PdP pensyarah Pendidikan Islam di dalam kelas dan di luar kelas. Oleh itu persoalan kajian ini ialah apakah kemahiran intrapersonal yang perlu ada dalam meningkatkan penguasaan PdP Pensyarah Pendidikan Islam di dalam dan di luar kelas?

## **METODOLOGI KAJIAN**

Bagi memenuhi objektif dan menjawab persoalan kajian ini, pengkaji memilih kajian kes dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Pengkaji telah memilih kajian kes sebagai reka bentuk kajian dengan pendekatan kaedah kualitatif sepenuhnya. Terdapat ramai pengkaji yang menggunakan kajian kes dalam reka bentuk kajian mereka sebelum ini (Kamarul Azmi, 2010; Abdul Razaq *et al.*, 2010; Ahmad Yunus & Ab. Halim, 2010; Faridah & Mohini, 2012; Kamarul Azmi & Nazirah, 2012; Rozita Radhiah & Abdul Rasid, 2012; Mohamad Ziyad & Izuddin, 2012; Jones dan Hilaire, 2012).

Menerusi kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual separuh struktur sebagai sumber data utama. Sokongan data datang dari kaedah pemerhatian pada sampel kajian serta penelitian dokumen menerusi analisis dokumen yang berkaitan. Bagi memperkukuhkan data-data tersebut, pengkaji menggunakan nota lapangan dan diari sebagai pengukuhan. Kaedah nota lapangan ini juga diguna pakai oleh Kamarul Azmi (2010), Inglis dan Cook (2011), Lee (2012), dan Mohd. Azhar (2012) dalam kajian mereka. Melalui pendekatan kualitatif dan kaedah yang digunakan, pengkaji akan melihat secara menyeluruh kesemua ciri dan elemen kemahiran intrapersonal dalam diri PCPI.

Kajian ini memilih enam orang peserta untuk ditemubual bagi menentukan apakah terdapat keselarasan antara jawapan terhadap soalan yang dikaji oleh pengkaji dengan objektif yang dibina. Peserta yang dipilih dipastikan memenuhi syarat-syarat berikut. Ciri-ciri pensyarah yang dipilih adalah, (1) berpengalaman mengajar lebih tujuh tahun, (2) mempunyai kelayakan sekurang-kurangnya di peringkat sarjana, (3) menerima kenaikan pangkat melalui proses penilaian kriteria kecemerlangan pensyarah politeknik, (4) menjawat gred jawatan sekurang-kurangnya DH 44, (5) pemilihan dibuat oleh Ketua Unit Pendidikan Islam dan Moral, (6) memperoleh Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Hasil proses temu bual ini akan ditranskripkan menjadi data naratif dan diurus tadbir data tersebut untuk memperoleh tema dapatan kajian dengan menggunakan perisian program N'Vivo 7.0.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

Berdasarkan jadual 1 terdapat empat aspek yang terkandung dalam kemahiran ini dan kesemuanya mencapai tahap pola. Kemahiran yang dikuasai oleh semua PCPI adalah kemahiran mengetahui kemampuan diri (PCPI1, 2014: 745, PCPI2, 2014: 777, PCPI3, 2014: 539, PCPI4, 2014: 381, PCPI5, 2014: 240,

PCPI6, 2014: 309). Manakala kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah (P1PCPI1, 2014: 445, RP1PCPI2, 2014: 161, P1PCPI4, 2014: 112, RP2PCPI5, 2014: 88), membina motivasi diri (KUPCPI1, 2014: 83, PCPI2, 2014: 725, PCPI3, 2014: 539, PCPI4, 2014: 141, PCPI6, 2014: 719), dan mencapai kepuasan diri (PCPI2, 2014: 777, PCPI3, 2014: 539, PCPI4, 2014: 141, PCPI6, 2014: 287) dikuasai oleh sebahagian besar PCPI.

Jadual 1 Kemahiran Intrapersonal PCPI1-PCPI6

Bil.	Kemahiran Intrapersonal	PCPI1	PCPI2	PCPI3	PCPI4	PCPI5	PCPI6
1.	Mengetahui kemampuan diri	x	x	x	x	x	x
2.	Kemahiran berfikir & penyelesaian masalah	x	x	-	x	x	-
3.	Membina motivasi diri	x	x	x	x	-	x
4.	Mencapai kepuasan diri	-	x	x	x	-	x

Kemahiran mengetahui kemampuan diri bermaksud PCPI mengenali potensi diri, mampu melaksanakan tugas dengan baik, dan sentiasa berusaha memperbaiki diri (PCPI3, 2014: 539). Hal ini boleh dilihat berdasarkan kata-kata PCPI yang mula mempelajari dan menambah pengetahuan dalam ilmu teknologi, iaitu: *“saya suka dan dah berubah persepsi kita kena pergi kepada kursus-kursus yang berteknologi tinggi. Dulu macam kurang terbuka sikit”*. Menurut Aristigueta dan Denhardt (2015), aspek pengurusan diri dan kesedaran diri adalah antara komponen penting dalam meningkatkan kecerdasan emosi seseorang. Selain itu, mengetahui kemampuan diri juga adalah meminta pertolongan daripada rakan-rakan. Pernyataan ini diakui oleh RP2PCPI1 (2014: 218) *“kadang-kadang beliau juga berkongsi masalahnya itu dengan rakan-rakan pensyarah yang lain dan rakan-rakan pensyarah lain dapat membantunya dalam menyelesaikan”*. Justeru, tindakan ini dapat meningkatkan kemahiran sosial bagi pensyarah tersebut (Aristigueta dan Denhardt).

Kemahiran kedua tertinggi ialah membina motivasi diri. Perkara ini dinyatakan oleh PCPI2 (2014: 725) bahawa *“Tapi dalam satu masa yang sama, semangat kita la kena kuat, bagi saya itu yang saya kata kita punya motivasi dalaman tu kena ada”*. Hal ini membolehkan individu dapat mengawal keputusan yang dibuat untuk masa depan (Smith *et al*, 2015). Elemen ini termasuklah juga membantu orang lain dalam meningkatkan motivasi (Aristigueta & Denhardt, 2015). Hal ini berdasarkan pengakuan RP1PCPI2 (2014: 105) *“secara tak langsung adalah sambil kita makan dia ada bagi motivasi dan kata-kata semangat”*. Selain itu, kecemerlangan PCPI ditagih dalam program motivasi samada menjadi penceramah atau pun fasilitator

(ADPCPI2, 2014: 475, ADPCPI2, 2014: 121, ADPCPI4, 2014: 48, ADPCPI4, 2014: 67).

Selain itu kemahiran yang dikuasai oleh PCPI pada bahagian ini ialah kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah. Menurut Kamarul Azmi dan Ab. Halim Tamuri (2012), aspek berfikir seharusnya menjadi teras dalam pelaksanaan PdP. Melalui kemahiran ini, individu boleh berkongsi idea dan mencapai matlamat pembelajaran yang jelas (Cramer, 2006). Hal ini selari dengan kata-kata rakan PCPI bahawa:

*“... kalau satu benda tu kalau kita nampak luaran, dia boleh nampak dalaman, nampak sisi sisi apa yang kita tak nampak, sebab dia adalah seorang pemikir. Dia boleh menggunakan kemahiran berfikirnya dengan sangat baik mengikut aras-aras tertentu. Dia seorang pemikir dan sebab itu dia boleh memikirkan kurikulum yang perlu dan tak perlu”*


RP1PCPI2, 2014: 161

Kemahiran ini juga digunakan dalam aktiviti PdP berdasarkan pemerhatian pengkaji di dalam kelas (OPCPI3, 2014: 120, OPCPI4, 2014: 92, OPCPI5, 2014: 234).

Akhir sekali ialah kemahiran mencapai kepuasan diri. Kepuasan diri menjadikan PCPI sentiasa bersemangat untuk meningkatkan kebolehan diri dan sanggup berkorban untuk mencapainya. Menurut Ahmad Firdaus *et al.* (2014), aspek kemahiran intrapersonal menjadikan PCPI dapat mengetahui cara memajukan diri. Hal ini juga membolehkan lahirnya para pensyarah yang gembira dan sejahtera terhadap apa yang mereka lakukan (Noraini Abdul Raop & Nor Ba' Yah Abdul Kadir, 2011). Aspek ini selari dengan pernyataan PCPI6 (2014: 287) *“Dari sudut ilmu pun, walaupun kita belajar, tapi makin banyak kita belajar makin banyak kita tak tahu, kadang budak tanya pun, ish ... kita pun tak tahu benda tersebut, yang tu lah saya masih belum berpuas hatilah. Banyak lagi benda yang perlu belajar”*. Perkara ini dirasai bersama oleh PCPI2 (2014: 726) dengan menyatakan *“Kadang-kadang saya rasa letih juga, tapi saya rasa ... sikit lagi, saya kena siapkan sikit lagi. Macam tu lah, lebih kurangnya saya kata, ini berkait dengan kepuasan diri kita jugak”*.

## **IMPLIKASI DAN CADANGAN**

Berdasarkan kepada dapatan kajian, pengkaji menghasilkan satu model yang dinamakan Model Kemahiran Cemerlang Intrapersonal (MKMCPCPI-INTRA). Model ini digambarkan sebagaimana dalam Rajah 1.



Rajah 1 Model Kemahiran Cemerlang Intrapersonal (MKMPCPI-INTRA).

Maka, aspek mengetahui kemampuan diri, kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah, membina motivasi diri serta mencapai kepuasan diri merupakan elemen penting dalam membantu meningkatkan kemahiran intrapersonal pensyarah cemerlang Pendidikan Islam di politeknik. Justeru itu, seharusnya kesemua elemen kemahiran intrapersonal yang disenaraikan boleh diamalkan dalam dan luar PdP bagi pensyarah Pendidikan Islam di politeknik khususnya dan secara amnya bagi semua pensyarah yang lain. Namun, pensyarah perlu menggunakan kemahiran ini dengan bijak dan sebaiknya mengikut kepada kesesuaian diri mereka.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah membincangkan objektif, metodologi, dapatan serta perbincangan kajian kes elemen kemahiran intrapersonal oleh Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam (PCPI) di politeknik. Hasil pola dapatan kajian berjaya menghasilkan Model Kemahiran Cemerlang Intrapersonal (MKMPCPI-INTRA) yang terdapat dalam implikasi kajian ini. Justeru, pensyarah Pendidikan Islam perlu mengambil perhatian agar PdP mereka dapat diaplikasikan elemen kemahiran intrapersonal yang sesuai agar dapat melahirkan kefahaman yang tinggi oleh pelajar seterusnya menghayati serta diamalkan ilmu yang mereka peroleh.



## RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2009). *Guru Sebagai Pendorong dalam Darjah*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- ADPCPI2 (2014). *Laporan Analisis Dokumen di PO1*, Laporan diadakan pada jam 08.30 pagi bertarikh 08.01. 2014; 09.30 pagi bertarikh 09.01.2014 di Perpustakaan PO1.
- ADPCPI4 (2014). *Laporan Analisis Dokumen di PO2*, Laporan diadakan pada jam 2.15 petang bertarikh 14.03. 2014; 09.00 pagi bertarikh 17.03.2014 di Perpustakaan PO2.
- Abdul Razaq Ahmad, Anisa Saleha, Zaliza Mohd Jelas & Ahmad Ali Seman (2010). Kepelembagaan Pelajar dan Sekolah: Satu Kajian Kes di Negeri Pahang. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2): 87-95.
- Ahmad Yunus Kasim & Ab.Halim Tamuri (2010). Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2): 13-30.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Khairunnisa A Shukor (2014). Elemen Kemahiran Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam di Politeknik Premier: Satu Kajian Rintis. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2): 96-106.
- Allen, M. (2017). *The SAGE Encyclopedia of Communication Research Methods* (Vol. 1-4). Thousand Oaks, CA: SAGE
- Al-Qurthubi (2007). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. (Tahqiq: Muhammad Ibrahim al-Hifnawi dan Mahmud Hamid Utsman). (Trj. oleh Muhyiddin Mas Rida dengan tajuk: *Tafsir al-Qurthubi Jilid 2*). Jakarta: Pustaka Azzam.
- Al-Qurthubi (2008). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. (Tahqiq: Muhammad Ibrahim al-Hifnawi dan Mahmud Hamid Utsman). (Trj. oleh Muhyiddin Mas Rida dengan tajuk: *Tafsir al-Qurthubi Jilid 4*). Jakarta: Pustaka Azzam.
- Faridah Sulaiman & Mohini Mohamed (2012). Kerangka Pengetahuan Guru Cemerlang Matematik dan Bagaimana Ia digunakan bagi Memilih Contoh dalam Pengajaran Matematik. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 27(1): 69-86.
- Hadley, S. (2019). Teaching Whiteness in Predominantly White Classrooms. Dalam Brookfield, S.D. and Associates. *Teaching Race: How to Help Students Unmask and Challenge Racism*. San Francisco: Jossey-Bass
- Inglis, P. & Cook, T. (2011). Ten top tips for effectively involving people with a learning disability in research. *Journal of Learning Disabilities and Offending Behaviour*, 2(2): 98- 104.
- Jennifer L. Jones & Robert St. Hilaire (2012). Creating Significant Learning Experiences: A Case Study in the College Religion Classroom. *The Journal of Effective Teaching*, 12(3): 34-43.
- Jovanovic, M. & Minic, V. (2014). Interpersonal Communication in Serbian Elementary Schools Teaching Practice. Dalam Runcan, P. & Rata, G. (Eds.) *Applied Social Psychology*. Newcastle: Cambridge Scholars Publishing

- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2012). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Nazirah Hamdan (2012). Sifat Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) kepada Rakan Setugas dan Pihak Atasan di Sekolah: Satu Kajian Kes. *Proceedings World Conference On Islamic Thought: 2012(WCIT 2012)*. 11-12 September 2012. Kinta Riverfront, Ipoh, Perak.
- KUPCPI1. 2014. *Teks Temu Bual Bersama KUPCPII*. Temu bual diadakan pada jam 09.00 pagi bertarikh 09.01.2014 di Bilik Ketua Kursus Unit Agama dan Moral.
- Kamarul Azmi Jasmi (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lee, Y.L. (2012). *A Qualitative Study of Out-of-class Learning Opportunities among First Year ESL Freshmen in a College Town*. (Tesis Elektronik). Dirujuk daripada <https://etd.ohiolink.edu/> pada 5 Oktober 2015.
- Maizan Alias & Nor Lisa Sulaiman. (2017). Development of Metacognition in Higher Education: Concepts and Strategies. Dalam Railean, E., Elci, A., & Elci, A. *Metacognition and Successful Learning Strategies in Higher Education*. USA: IGI Global
- Maria P. Aristigueta & Robert B. Denhardt (2015). *Developing Intrapersonal Skills*. Dalam James L. Perry, Robert K. Christensen. *Handbook Of Public Administration*. Georgia: Jossey-Bass.
- M. Quraish Shihab (2009). *Tafsir al-Misbah Pesan, Kesan, dan Keserasian al-Quran*. Jld. 1-2. Jakarta: Penerbit Lentera Hati.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid (2012). *Pengalaman Transformasi Perspektif Individu Cina Muslim Terhadap Agama Islam di Johor Bahru*. Tesis Doktor Falsafah. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Ziyad Mukhtar & Izuddin Muhammed (2012). Penguasaan Asas Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT)-Pendidikan Agama Islam (PAI): Satu Kajian Kes.
- Noraini Abdul Raop & Nor Ba'ayah Abdul Kadir (2011). Pengertian Hidup, Syukur dan Hubungannya dengan Kegembiraan Subjektif di Kalangan Pekerja. *E-Bangi, Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(2): 349-358.
- Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah (2013). Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi*, 60: 31-37.
- P1PCPI1. 2014. *Teks Temu Bual Bersama P1PCPII dan P2PCPII*. Temu bual diadakan pada jam 09.00 pagi bertarikh 06.01.2014 di Bilik Perbincangan Perpustakaan PO1.

- P2PCPI4. 2014. *Teks Temu Bual Bersama P1PCPI4 dan P2PCPI4*. Temu bual diadakan pada jam 02.30 petang bertarikh 13.03.2014 di Bilik Perbincangan Perpustakaan PO2.
- PCPI1. 2014. *Teks Temu bual Bersama PCPI1*. Temu bual diadakan pada jam 11.00 pagi bertarikh 02.01.2014 di Bilik Perbincangan JPA.
- PCPI2. 2014. *Teks Temu bual Bersama PCPI2*. Temu bual diadakan pada jam 04.15 petang bertarikh 08.01.2014 di Bilik Perbincangan JPA.
- PCPI3. 2014. *Teks Temu bual Bersama PCPI3*. Temu bual diadakan pada jam 04.30 petang bertarikh 11.03.2014 di Bilik Ketua Kursus Unit Agama dan Moral.
- PCPI4. 2014. *Teks Temu bual Bersama PCPI4*. Temu bual diadakan pada jam 10.00 pagi bertarikh 12.03.2014 di Bilik Ketua Kursus Unit Bahasa.
- PCPI5. 2014. *Teks Temu bual Bersama PCPI5*. Temu bual diadakan pada jam 02.00 petang bertarikh 03.09.2014 di Bilik Pensyarah Aras 1.
- PCPI6. 2014. *Teks Temu bual Bersama PCPI6*. Temu bual diadakan pada jam 03.40 petang bertarikh 03.09.2014 di Bilik Mesyuarat JPA.
- Peter K. Smith, Helen Cowie, Mark Blades (2015). *Understanding Children's Development*. Italy: Printer Trento.
- RP1PCPI2.2014. *Teks Temu bual Bersama RP1PCPI2*. Temu bual diadakan pada jam 02.45 petang bertarikh 07.01.2014 di Pondok Rehat Kampus B.
- RP2PCPI1. 2014. *Teks Temu bual Bersama RP2PCPI1*. Temu bual diadakan pada jam 09.30 malam bertarikh 06.01.2014 di Rumah RP2PCPI1.
- RP2PCPI5. 2014. *Teks Temu bual Bersama RP1PCPI5*. Temu bual diadakan pada jam 02.30 petang bertarikh 06.01.2014 di Bilik Pensyarah Aras 1.
- Rozita Radhiah Said & Abdul Rasid Jamian.(2012). Amalan Pengajaran Karangan Guru Cemerlang di dalam Bilik Darjah: Kajian Satu Kes Pelbagai Lokasi. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 27: 51-68.
- OPCPI3 (2014). *Laporan Observasi dan Nota Lapangan di PO2*. Laporan daripada Tarikh 11.03.2014 hingga 19.03.2014.
- OPCPI4 (2014). *Laporan Observasi dan Nota Lapangan di PO2*. Laporan daripada Tarikh 11.03.2014 hingga 19.03.2014.
- OPCPI5 (2014). *Laporan Observasi dan Nota Lapangan di PO3*. Laporan daripada Tarikh 02.09.2014 hingga 11.09.2014.
- Salhah Abdullah (2009). *Kecerdasan Pelbagai Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Sharon F. Cramer (2006). *The Special Educator's Guide to Collaboration*. California: Corwin Press.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Ab. Halim Tamuri, Isahak Othaman & Mohd. Sabri Mamat (2009). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Profesionalisme Guru Pendidikan Islam MRSM. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2): 31-50.